



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-HUKMI**

**STATUS PERNIKAHAN PASANGAN YANG MENGGUNAKAN NAMA ORANG LAIN**

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan mengenai Kes Penukaran Nama di Surat Nikah Serta Status Taraf Sah Pernikahan dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Sekiranya semasa akad nikah berlangsung, pengantin lelaki yang dimaksudkan dalam majlis akad nikah adalah pengantin lelaki yang sama dan bukan wakil kepada mana-mana orang dalam majlis tersebut maka **hukum akad nikah tersebut adalah sah** (walaupun nama sebenar berbeza dengan nama yang disebut dalam majlis).

Contoh lafaz akad nikah:

Lafaz Ijab oleh wali pengantin perempuan:

“Aku nikahkan kau dengan anak perempuanku (Nama Penuh Pengantin Perempuan) dengan emas kahwinnya bernilai RM... tunai”

Lafaz Qabul oleh pengantin lelaki:

“Aku terima nikahnya (Nama Penuh Pengantin Perempuan) dengan emas kahwinnya berjumlah RM... tunai.”

2. Sehubungan dengan itu, 3 orang anak yang lahir hasil pernikahan Azlina binti Md Saad dengan Shah roni bin Abdullah (yang menggunakan nama Mohd Asmaul Azham bin Mohd Abdullah) pada 7 Februari 2002 **adalah sah dinasabkan (dibin / binti) kepada bapa kandung mereka iaitu Shah roni bin Abdullah.**

Justeru, pemohon dinasihatkan supaya merujuk Jabatan Pendaftaran Negara bagi urusan pertukaran nama bapa yang **dibin / binti** kepada Mohd Asmaul Azham bin Mohd Abdullah kepada **Shah roni bin Abdullah**.

**TARIKH KEPUTUSAN : 20 DISEMBER 2021**